Pembangkang keluar Dewan protes Nazri

um- 19/9/2006

Tindakan lapan Ahli Parlimen DAP keluar Dewan selama lima minit menyebabkan Nazri terpaksa memendekkan penggulungan perbahasan itu

KUALA LUMPUR 18 Sept. – Ahli-ahli Parlimen DAP bertindak keluar Dewan hari ini sebagai tanda protes terhadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang tidak membenarkan mereka mencelah semasa beliau menggulung perbahasan Bajet 2007.

Tindakan lapan Ahli Parlimen DAP keluar Dewan selama lima minit menyebabkan Nazri terpaksa memendekkan penggulungan perbahasan itu.

Keadaan tersebut tercetus sejurus **Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)** bangun dan mempersoalkan hala tuju kerajaan di bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kit Siang membangkitkan kenyataan Perdana Menteri di Havana, Cuba semalam bahawa beliau tidak hilang kawalan terhadap pentadbirannya.

Bagaimanapun, Nazri tidak mengendahkan persoalan tersebut dan meneruskan penggulungan sehingga menyebabkan **Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor)** pula bersuara.

Karpal telah meminta Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Lim Si Cheng 'mengawal menteri yang sudah hilang kawalan'.

Kata-kata itu menyebabkan berlakunya perang mulut antara Karpal dan Nazri sehingga perkataan 'kurang ajar' dibangkitkan oleh kedua-dua pihak dan terpaksa diredakan oleh Si Cheng.

Pertikaman lidah itu berlaku sekali lagi apabila Kit Siang bangun mempersoalkan tindakan Nazri yang membaca seperti 'keretapi laju' sehingga Ahli Parlimen tidak faham apa yang dihujahnya.

Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) dan **Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam)** turut masuk campur apabila Nazri bertegas mengatakan beliau berhak untuk tidak memberi laluan.

Oleh kerana tidak tahan dengan kekecohan itu, **Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut)** bangun dan meminta Ahli Parlimen DAP keluar dari Dewan jika tidak mahu mendengar penggulungan Nazri.

Berikutan itu, lapan Ahli Parlimen DAP keluar Dewan selama lima minit sebagai tanda protes.

Nazri kemudian bertindak memendekkan penggulungan beliau sambil berkata, jawapan bertulis akan diberikan kepada Ahli Parlimen yang berminat.

YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA